



PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA (MyIPO)

AKTA CAP DAGANGAN 2019

ARAHAN AMALAN NO. 1/2025

ARAHAN AMALANINI dikeluarkan bagi menjalankan kuasa yang diberikan kepada Pendaftar Cap Dagangan oleh seksyen 160 Akta Cap Dagangan 2019 [Akta 815] dan berikutan pengeluaran Peraturan-Peraturan Cap Dagangan (Pengurangan Fi) 2025 yang berkuat kuasa pada 1 September 2025.

BAHAGIAN I

Permulaan

Nama, tarikh kuat kuasa dan skop

1. (1) Arahan amalan ini bolehlah dinamakan Arahan Amalan No. 1/2025.
- (2) Arahan Amalan No. 1/2025 ini hendaklah berkuat kuasa pada 1 September 2025 hingga 31 Disember 2025.
- (3) Arahan Amalan No. 1/2025 ini menetapkan kehendak yang perlu dipatuhi oleh pemohon yang terdiri daripada mana-mana individu, perkongsian, persatuan, pertubuhan perbadanan atau institusi yang berminat untuk memfailkan permohonan pengurangan fi dengan Pendaftar mengikut cara yang ditetapkan oleh Pendaftar dalam Arahan Amalan ini untuk apa-apa perkara yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Cap Dagangan (Pengurangan Fi) 2025.
- (4) Untuk membantu tafsiran kehendak di bawah Arahan Amalan ini dan penggunaannya, nota dan ilustrasi telah dimasukkan. Pendaftar boleh mengambil kira mana-mana tindakan atau kelakuan yang menyimpang

daripada nota atau ilustrasi dalam menentukan pematuhan Arahan Amalan ini serta Akta Cap Dagangan 2019, Peraturan-Peraturan Cap Dagangan 2019, Garis Panduan Cap Dagangan 2019 and Peraturan-Peraturan Cap Dagangan (Pengurangan Fi) 2025.

- (5) Dengan mematuhi Arahan Amalan No. 1/2025 ini, pemohon hendaklah dianggap telah memenuhi kehendak memfailkan dokumen dengan Pendaftar dengan cara lain seperti yang diarahkan oleh Pendaftar mengikut perenggan 30 dan 31 Garis Panduan Cap Dagangan 2019.

Tafsiran

2. (1) Melainkan ditakrifkan sebaliknya, semua perkataan atau istilah yang digunakan dalam Arahan Amalan ini hendaklah mempunyai maksud seperti yang ditakrifkan dalam Akta Cap Dagangan 2019, Peraturan-Peraturan Cap Dagangan 2019 dan Garis Panduan Cap Dagangan 2019.
- (2) Dalam Arahan Amalan ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain—

“Arahan Amalan” ertinya Arahan Amalan No. 1/2025;
“TMR 2025” ertinya Peraturan-Peraturan Cap Dagangan (Pengurangan Fi) 2025;
“Kaunter” ertinya kaunter Pejabat Cap Dagangan dan pejabat cawangan lain termasuk mana-mana kaunter lanjutan yang ditubuhkan oleh Pendaftar.

BAHAGIAN II

Kehendak yang perlu dipatuhi

Kehendak yang perlu dipatuhi oleh individu, perniagaan tunggal, perkongsian, persatuan, pertubuhan perbadanan atau institusi

3. (1) Bagi tujuan memohon pengurangan fi di bawah perenggan 3(2)(a) dan (b) TMR 2025, mana-mana individu, perniagaan tunggal, perkongsian, persatuan, pertubuhan perbadanan atau institusi hendaklah memfaikan—
- (a) permohonan pengurangan fi seperti yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dalam tempoh 1 September 2025 hingga 31 Disember 2025; dan
- (b) dokumen sokongan seperti berikut:
- (i) jika permohonan di perenggan 3(1)(a) dibuat oleh individu, pemohon hendaklah membuat pengisyiharan bahawa dia menjalankan perniagaan dengan perolehan jualan tahunan kurang daripada RM500,000; atau
- (ii) jika permohonan di perenggan 3(1)(a) dibuat oleh mana-mana perniagaan tunggal atau perkongsian, pemohon hendaklah mengemukakan—
- (A) sesalinan sijil pendaftaran perniagaan tunggal atau perkongsian dengan badan berkuasa berkaitan; dan
- (B) pengisyiharan bahawa dia atau rakan kongsi itu menjalankan perniagaan dengan perolehan jualan tahunan kurang daripada RM500,000; atau
- (iii) jika permohonan di perenggan 3(1)(a) dibuat oleh mana-mana persatuan, pertubuhan perbadanan atau institusi, pemohon hendaklah mengemukakan—

- (A) sesalinan sijil pendaftaran persatuan, pertubuhan perbadanan atau institusi dengan badan berkuasa berkaitan; dan
 - (B) sesalinan penyata akaun teraudit terkini dengan perolehan jualan tahunan kurang daripada RM500,000; atau
 - (C) sesalinan pembayaran cukai kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia atau suatu badan yang diiktiraf oleh Pendaftar untuk perolehan jualan tahunan kurang daripada RM500,000.
- (2) Borang dan dokumen sokongan yang dikehendaki di bawah perenggan 3(1)(a) atau (b) hendaklah difailkan dengan Pendaftar secara manual di Kaunter untuk Pendaftar mengeluarkan keputusan mengenai permohonan pengurangan fi pada hari yang sama pemfailan di Kaunter.
- (3) Permohonan untuk pengurangan fi dan dokumen sokongan di perenggan 3(1)(a) dan (b) yang tidak mematuhi kehendak di bawah TMR 2025 dan Arahan Amalan ini tidak akan dilayan oleh Pendaftar.

Pemfailan borang model TMA2A atau TMA2B dan membuat pembayaran

4. (1) Jika keputusan Pendaftar dalam perenggan 3(2) adalah afirmatif, individu, perniagaan tunggal, perkongsian, persatuan, pertubuhan perbadanan atau institusi hendaklah membuat pembayaran yang diperlukan untuk memfailkan borang TMA2A atau TMA2B di Kaunter.
- (2) Semua kehendak di bawah Akta Cap Dagangan 2019 hendaklah terpakai ke atas pemohon untuk pendaftaran cap dagangan dalam memohon dan memfailkan borang model TMA2A atau TMA2B.
- (3) Pendaftar boleh mengeluarkan penolakan sementara di bawah peraturan 14 Peraturan-Peraturan Cap Dagangan 2019 jika pemohon

untuk pendaftaran cap dagangan gagal mematuhi mana-mana kehendak yang menjelaskan permohonan pendaftaran cap dagangan.

Aliran Proses Mendapatkan Pengurangan Fi

5. Aliran proses mendapatkan pengurangan fi dinyatakan dalam Jadual Kedua.

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

PENDAFTAR CAP DAGANGAN

29 OGOS 2025

JADUAL PERTAMA
BORANG PERMOHONAN UNTUK PENGURANGAN FI

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA
AKTA CAP DAGANGAN 2019
PERATURAN-PERATURAN CAP DAGANGAN (PENGURANGAN FI) 2025
PERMOHONAN UNTUK PENGURANGAN FI

1.	BUTIR-BUTIR PEMOHON					
	<table border="1" style="width: 100%;"><tr><td style="width: 50%;">Nama penuh:</td><td></td></tr><tr><td>Kod ejen (jika ada):</td><td></td></tr></table>		Nama penuh:		Kod ejen (jika ada):	
Nama penuh:						
Kod ejen (jika ada):						
2.	PERMOHONAN Saya bercadang untuk memohon pengurangan fi untuk— Sila tandakan mana-mana kotak di bawah <table border="1" style="width: 100%;"><tr><td style="width: 15%; text-align: center;"><input type="checkbox"/></td><td>Permohonan untuk pendaftaran cap dagangan – dengan menggunakan senarai pra-diluluskan (Borang model dengan kod fi TMA2A hendaklah disertakan bersama borang ini)</td></tr><tr><td style="text-align: center;"><input type="checkbox"/></td><td>Permohonan untuk pendaftaran cap dagangan – tanpa menggunakan senarai pra-diluluskan (Borang model dengan kod fi TMA2B hendaklah disertakan bersama borang ini)</td></tr></table>		<input type="checkbox"/>	Permohonan untuk pendaftaran cap dagangan – dengan menggunakan senarai pra-diluluskan (Borang model dengan kod fi TMA2A hendaklah disertakan bersama borang ini)	<input type="checkbox"/>	Permohonan untuk pendaftaran cap dagangan – tanpa menggunakan senarai pra-diluluskan (Borang model dengan kod fi TMA2B hendaklah disertakan bersama borang ini)
<input type="checkbox"/>	Permohonan untuk pendaftaran cap dagangan – dengan menggunakan senarai pra-diluluskan (Borang model dengan kod fi TMA2A hendaklah disertakan bersama borang ini)					
<input type="checkbox"/>	Permohonan untuk pendaftaran cap dagangan – tanpa menggunakan senarai pra-diluluskan (Borang model dengan kod fi TMA2B hendaklah disertakan bersama borang ini)					
3.	AKUAN DAN TANDATANGAN – Sila tandakan pada kotak yang berkenaan <input type="checkbox"/> <u>Oleh orang yang mengisi borang</u> <input type="checkbox"/> Oleh individu: Saya mengisyiharkan bahawa saya menjalankan perniagaan dengan perolehan jualan tahunan kurang daripada RM500,000 dan saya memenuhi semua syarat dan layak untuk pengurangan fi; Atau <input type="checkbox"/> Oleh perniagaan tunggal / perkongsian: Sebagai orang/rakan kongsi yang diberi kuasa oleh perniagaan tunggal/perkongsian, saya mengisyiharkan bahawa perniagaan tunggal/perkongsian tersebut memenuhi syarat dan layak mendapat pengurangan fi kerana menjalankan perniagaan dengan perolehan jualan tahunan kurang daripada RM500,000; Atau <input type="checkbox"/> Oleh persatuan / pertubuhan perbadanan / institusi: Sebagai pengarah/orang yang diberi kuasa oleh persatuan/pertubuhan perbadanan/institusi, saya mengisyiharkan bahawa persatuan/pertubuhan perbadanan/institusi tersebut memenuhi syarat dan layak mendapat pengurangan fi kerana menjalankan perniagaan dengan perolehan jualan tahunan kurang daripada RM500,000. Dan saya, yang bertandatangan di bawah, dengan ini mengaku bahawa maklumat yang diberikan di atas adalah benar sepanjang pengetahuan saya.					

Oleh Ejen

Saya, yang bertandatangan di bawah, dengan ini mengaku bahawa:

- (i) Saya telah dilantik dengan sewajarnya dan diberi kuasa untuk bertindak sebagai ejen bagi pihak orang yang memfailkan borang ini;
- (ii) maklumat yang diberikan di atas bagi pihak orang yang memfailkan borang ini adalah benar sepanjang pengetahuan pemohon; dan
- (iii) Saya telah dimaklumkan dan diberi kuasa untuk memaklumkan bahawa pemohon adalah—

individu yang menjalankan perniagaan dengan perolehan jualan tahunan kurang daripada RM500,000 dan memenuhi semua syarat dan layak untuk pengurangan fi;

Atau

perniagaan tunggal/perkongsian yang memenuhi syarat dan layak mendapat pengurangan fi kerana menjalankan perniagaan dengan perolehan jualan tahunan kurang daripada RM500,000;

Atau

persatuan/pertubuhan perbadanan/institusi yang memenuhi syarat dan layak mendapat pengurangan fi kerana menjalankan perniagaan dengan perolehan jualan tahunan kurang daripada RM500,000.

TANDATANGAN:.....

NAMA PENANDATANGAN:.....

KAPASITI RASMI PENANDATANGAN:.....

(Contoh: Orang yang diberi kuasa, Pengarah, Rakan Kongsi atau Pegawai Utama Pemohon/Ejen)

TARIKH:

E-MEL/NO. TELEFON PENANDATANGAN:.....

- | | |
|----|---|
| 4. | Dokumen sokongan (mandatori – permohonan ini tidak akan diproses tanpa disertakan dokumen sokongan):
<input type="checkbox"/> Saya sertakan salinan dokumen sokongan yang saya isytiharkan sebagai benar untuk menyokong pengisytiharan saya seperti yang dinyatakan dalam perkara 3. |
| 5. | Perhatian:
Adalah menjadi satu kesalahan di bawah seksyen 103 Akta Cap Dagangan 2019 untuk membuat atau menyebabkan dibuat catatan palsu ke Pejabat Cap Dagangan dan orang itu boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya. |
| 6. | UNTUK KEGUNAAN PEJABAT
<input type="checkbox"/> Permohonan pengurangan fi ini diluluskan dengan jumlah bayaran untuk dibuat:
TMA2A
TMA2B
TMR7
Fi pengimbasan (TMN2)
Siri
Fi sulit (TML1)
Lain-lain |
| | <input type="checkbox"/> Permohonan pengurangan fi tidak diluluskan. |

.....
TARIKH:

JADUAL KEDUA

ALIRAN PROSES MENDAPATKAN PENGURANGAN FI

